

Penghuni Darul Ma'wa dirai sambutan berganda



SAMBUTA BERGANDA: Encik Lee (*kanan*) meraikan Hari Raya dan Hari Kebangsaan bersama penghuni Darul Ma'wa. — Foto M.O. SALLEH

PARA penghuni Rumah Tumpangan Kanak-Kanak Jamiyah Darul Ma'wa semalam berpeluang meraikan sambutan berganda, Hari Raya dan Hari Kebangsaan, bersama sekumpulan belia dan murid-murid tadika.

Para belia dari Pusat Belia Persatuan Kanak-Kanak Singapura cawangan Jurong telah bergabung dengan murid-murid tadika dari Pusat Jagaan Kanak-Kanak Jurong Spring untuk menghiburkan kanak-kanak penghuni Darul Ma'wa menerusi pelbagai persembahan hiburan seperti Dikir Barat dan dendangan lagu-lagu lebaran.

Sebagai membalas budi mereka, para penghuni Darul Ma'wa pula telah menunjukkan persembahan tarian kepada para tamu.

Hadir untuk bersama-sama meraikan Hari Raya dan Hari Kebangsaan di acara itu ialah Anggota Parlimen GRC Jurong, Encik Desmond Lee.

Ketika dihubungi semalam, Encik Lee berkata acara itu diadakan dalam rangka sambutan Hari Kebangsaan tahun ini bagi kawasan undinya.

"Kami memilih tema khidmat masyarakat dan ia diharap dapat membangkitkan rasa ikhsan di kalangan para peserta untuk golongan yang kurang bernasib baik.

"Ia juga sambutan untuk kanak-kanak oleh kanak-kanak," kata Encik Lee

Bagi sekitar 30 belia dan murid-murid tadika

yang hadir di acara itu, beliau berharap mereka berasa syukur terhadap nikmat keluarga dan kediaman yang selesa.

"Saya juga dapati para penghuni Darul Ma'wa dijaga dengan baik dan ramai bekas penghuninya telah berjaya dan kini kembali untuk berkhidmat di Jamiyah.

"Ia petanda bahawa negara ini menawarkan pelbagai peluang bagi warga yang kurang bernasib baik bagi mengecap kejayaan," tambah beliau.

Sementara itu, Superintenden Darul Ma'wa, Encik Sophian Kayat, berkata acara tersebut juga membuka peluang meningkatkan interaksi di kalangan para peserta dan penghuni rumah tumpangan itu.